

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 21 Mac 2016 9:39
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: KEM ISLAH INTELEK MUDA PARLIMEN SIK SASAR KEJAYAAN



21 MAC 2016 / 12 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi & Sela Oktavia
Gambar oleh: Anjung Tamu

KEM ISLAH INTELEK MUDA PARLIMEN SIK SASAR KEJAYAAN



ANJUNG TAMU ONLINE: Generasi baru seramai 111 pelajar dari Sekolah Menengah di daerah Sik Kedah (SMS) telah menghadiri Kem Islah Intelek Muda Parlimen Sik dengan kerjasama padu Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Cawangan Khas UUM.

Sementara itu, sambutan yang diberikan di Welcome Centre secara tidak langsung meniup semangat mereka yang aktif bertanyakan tentang hal ehwal UUM dalam aspek akademik, penginapan serta infrastruktur.

“Melahirkan pelajar yang cemerlang adalah tujuan utama kem ini diadakan”, kata Pengerusi Biro Pendidikan Umno Bahagian Sik, Khurrudzwan Shamsudin.

“Baik untuk pendedahan dan juga pengalaman bagi pelajar yang bercita-cita ke pusat pengajian tinggi terutamanya ke UUM”,

“Jika kita ingin maju, gunakanlah kapasiti minda untuk bersaing” ujarinya.

Malahan, peluang kepada pelajar merasai kehidupan di kampus selain mengenali UUM merupakan pendekatan bagi mengambil hati generasi baru yang gemarkan sesuatu yang mencabar.

Di samping itu, taklimat tentang UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka yang disampaikan oleh Welcome Centre sedikit sebanyak dapat memupuk minat mereka supaya mementingkan pelajaran bagi menyumbang bakti untuk mencorak masa depan negara kelak.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

